



Cabaran getir pencari kerja

Pencari kerja termasuk graduan semakin sukar memperoleh peluang pekerjaan jika tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan apatah lagi mereka sudah boleh digantikan oleh mesin dan robot

majikan perlu melabur untuk melatih semula pekerja masing-masing. Jangan sama sekali memanipulasi keadaan dengan menggantikan pekerja dengan mesin.

Bagi pencari kerja baharu termasuk graduan cabarannya agak berbeza kerana mereka belum berada dalam organisasi itu. Dalam keadaan bilangan graduan yang semakin meningkat majikan dilihat ada kelebihan berbanding graduan kerana mempunyai pilihan yang banyak dan pelbagai. Jadi, belia dan graduan yang mahu menembusi pasaran kerja yang semakin mencabar ini perlu ada inisiatif sendiri untuk

melengkapkan diri dengan bakat dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja. Jika tidak mereka akan terus dipinggirkan oleh majikan yang dahagakan bakat baharu berkemahiran tinggi.

Dalam konteks ini bakal graduan misalnya perlu menggunakan peluang menjalani latihan industri antara tiga hingga enam bulan yang disyaratkan bagi tujuan bergraduasi sebagai platform terbaik untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan. Bagi tujuan ini, mereka perlu bijak memilih tempat latihan industri bersesuaian dengan bidang pengajian mereka dan lebih penting lagi yang mampu memberikan nilai tambah terutama dari segi latihan kemahiran secara praktikal supaya boleh meningkatkan kemahiran. Inilah satu-satunya pejuang terbaik yang ada sebelum menamatkan pengajian dan melangkah masuk ke alam pekerjaan kerana selepas itu graduan perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk mengikuti latihan atau kursus kemahiran. Ini bukan saja membebaskan dari segi kewangan tetapi turut merugikan dari segi masa.

Manakala, bagi golongan belia

yang lain nampaknya mereka tidak mempunyai banyak pilihan selain berusaha memasuki mana-mana institusi kemahiran yang menyediakan pendidikan atau kursus Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) secara sepenuh masa sebelum memasuki alam pekerjaan atau mengikuti kursus TVET secara separuh masa bagi meningkatkan tahap kemahiran yang ada. Ingat, kemahiran adalah pelaburan masa hadapan yang terbaik buat masa sekarang dan sedarlah betapa lulusan TVET semakin menjadi pilihan utama majikan tempatan.

Tuntasnya, pilihan di tangan pencari kerja itu sendiri. Kita sedia maklum betapa hebatnya cabaran dunia pekerjaan zaman ini terutama dengan perkembangan automasi, AI dan IR4.0, jadi jika kita leka, malas dan lalai maka akan terus ketinggalan dan dipinggirkan, malah akan menjadi mangsa yang terpaksa dikorbankan angkara kemajuan teknologi yang semakin canggih dan mula mengambil alih tugas manusia.

**Penulis Timbalan Pengarah
Pejabat Strategi Korporat
dan Komunikasi Universiti
Putra Malaysia**

Laporan KPMG International dan Harvey Nash 2019 mendedahkan peningkatan dalam pelaburan teknologi di seluruh dunia bakal menyaksikan satu daripada lima pekerjaan akan digantikan oleh automasi dan kecerdasan buatan (AI) dalam tempoh lima tahun akan datang. Hal ini kerana apabila organisasi global memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi, ia akan meningkatkan kecekapan dalam perniagaan mereka. Selari dengan perkembangan ini, pekerjaan baharu dikatakan akan muncul untuk mengimbangi dan membolehkan pekerja melaksanakan tugas yang lebih tinggi dan akan menjurus kepada penyusunan semula peranan dalam keseluruhan bidang perniagaan.

Hakikatnya perkembangan pesat dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi termasuk Industri 4.0 (IR4.0) menyaksikan semua organisasi baik kecil mahupun besar, baik lokal mahupun global mula memberikan penumpuan khusus ke arah mengurangkan kebergantungan yang serius kepada tenaga pekerja sebaliknya mula menyediakan peruntukan tambahan untuk melabur dalam peningkatan dan penggunaan teknologi terkini. Ironinya, perkembangan ini mula mencetuskan cabaran getir kepada pencari kerja di seluruh dunia. Rakyat kita juga nampaknya mula menerima tempas itu di mana pencari kerja termasuk graduan semakin sukar memperoleh peluang pekerjaan jika tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan apatah lagi mereka sudah boleh digantikan oleh mesin dan robot.

Secara umumnya kita boleh memahami strategi dan inisiatif organisasi sekarang adalah untuk meningkatkan kemahiran pekerja yang sedia ada supaya dapat bersedia berhadapan keperluan pada masa akan datang sekali gus mengekalkan bakat berkenaan, di samping menarik bakat baharu yang memiliki kemahiran yang diperlukan. Maka dalam konteks ini, pekerja sedia ada dalam industri dan pencari kerja yang baharu perlu bijak menyusun langkah dan strategi agar yang sedia ada tidak menjadi mangsa korban mesin dan robot, serta yang baharu pula dapat menembusi pasaran kerja yang ditawarkan.

Pekerja sedia ada misalnya perlu segera mengubah minda, pemikiran dan cara kerja supaya memenuhi hasrat dan keperluan organisasi. Terimalah kenyataan mesin dan robot sudah mula mengancam kedudukan kita dan sudah mula mengambil alih tugas dan peranan kita. Jadi, apa lagi pilihan yang kita ada selain berusaha keras untuk meningkatkan tahap kemahiran yang diperlukan agar terus kekal

relevan dalam organisasi. Organisasi hari ini sangat memerlukan pekerja berkemahiran tinggi untuk memacu prestasi dan produktiviti yang tinggi. Justeru, kita perlu bersedia mengikuti apa jua latihan kemahiran yang diperlukan supaya boleh menjadi pekerja mahir yang boleh mengendalikan apa jua teknologi automasi dan AI yang bakal dicipta pada masa akan datang.

Kita percaya cabaran terbesar adalah kepada generasi lama yang berada di penghujung karier kerana kemungkinan akan menghadapi masalah untuk kembali mengasah kemahiran dan bakat mereka pada penghujung perkhidmatan mereka. Diharapkan golongan ini akan tetap mengambil peluang untuk menambah kemahiran yang diperlukan di samping majikan tidak menjadikan mereka sebagai mangsa keadaan. Dalam konteks memberikan latihan kemahiran ini, majikan perlu memainkan peranan yang besar dengan menyediakan peluang kepada semua pekerja mengikuti latihan yang diperlukan. Ia penting kerana hanya majikan yang tahu bakat dan kemahiran apa yang sesuai diperlukan oleh organisasi, jadi